

Sekehendak hati guna air

■ Orang ramai kurang ambil berat impak pembaziran kepada pengguna pada masa depan

Oleh Siraj Mohd Zaini
siraj@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Purata penggunaan air per kapita sehari bagi seorang rakyat di negara ini adalah 220 liter sehari dan jumlah itu melebihi 70 liter daripada apa yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Datuk Harjeet Singh berkata, statistik itu menunjukkan orang ramai masih menggunakan sumber air secara berlebihan dan kurang mengetahui impak pembazirannya kepada pengguna pada masa depan.

Menurutnya, PBB menetapkan penggunaan perkapita bagi setiap orang adalah antara 150 liter sehari bagi memastikan sumber air di seluruh dunia sentiasa terpelihara.

Beliau berkata, krisis air teruk yang berlaku di beberapa negeri pada tahun lalu seharusnya menjadi ingatan kepada setiap orang supaya sentiasa menjimatkan penggunaan air dalam kehidupan seharian mereka.

“Ramai antara kita tak se-



HARJEET (tiga dari kiri) bersama Suhaimi (tiga dari kanan) melawat pameran selepas merasmikan Majlis Dialog Bersama Mahasiswa IPT Sempena Hari Air Sedunia.

“Oleh sebab itu, usaha mendidik masyarakat terutama generasi muda perlu dilakukan sekarang”

Harjeet Singh

dar berlaku pembaziran setiap hari, sebagai contoh mudah, ketika mandi ramai yang suka menggunakan gayung berbanding menggunakan pancuran air kerana ia lebih menjimatkan air.

“Oleh sebab itu, usaha mendidik masyarakat terutama generasi muda perlu dilakukan sekarang kerana sekiranya tidak, mereka

yang akan menanggung masalah ini pada masa depan,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Sesi Dialog Bersama Mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) sempena Hari Air Sedunia 2015 di Dewan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Cawangan Ampang, di sini, semalam.

Turut hadir, Setiausaha

Bahagian Sumber Air dan Hidrologi KeTTHA, Suhaimi Mamat, wakil Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia serta kira-kira 200 penuntut pelbagai universiti awam negara ini.

Sementara itu, Harjeet berkata, sesi dialog berkenaan mengupas isu berkaitan pengurusan air di negara ini, seterusnya mengenal pasti

kaedah bersesuaian yang boleh diambil untuk memastikan pengurusan air di Malaysia berupaya menjana pembangunan negara pada masa kini dan akan datang.

Beliau berkata, hasil daripada sesi dialog berkenaan akan dibawa kepada bengkel Pelan Tindakan Air Nasional yang akan berlangsung pada bulan depan.